

Majlis Titipan Kasih Iftar bersama Julie's

Anak yatim dirai di Stadium Hang Tuah

Oleh **FUAD RAMDAN**

BANDARAYA MELAKA 26 Jun - Kira-kira 100 anak yatim dirai pada Majlis Titipan Kasih Iftar bersama Julie's di Dataran Kubu, Stadium Hang Tuah di sini, Ju-maat lalu.

Pengurus Pemasaran Biskut Julie's, Benny Chia berkata, majlis melalui kerjasama Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB) itu bertujuan mengeratkan hubungan silaturahim antara kaum di negara ini.

Katanya, melalui majlis itu, ia sedikit se-banyak memberikan na-fas baharu kepada anak yatim yang dirai selain mengelakkan mereka ra-

saya dipinggirkan.

"Kita tidak mahu mereka ini rasa terpinggir dan kesunyian pada bulan Ramadan dan kita mahu bangkitkan suasana ceria sempena hari raya yang bakal menjelang tidak lama lagi.

"Saya dapat lihat senyuman anak-anak yatim serta fakir miskin sepanjang program ini berjalan dan saya berpuas hati dengan perjalanan program ini," katanya.

Program kali pertama anjuran Julie's dan MBMB itu dihadiri kira-kira 1,000 masyarakat negeri ini.

Terdahulu, anak-anak yatim terabit turut diberi peluang memilih baju raya diingini yang dijual



BENNY Chia (tiga kiri) bergambar bersama Zainal pada Majlis Titipan Kasih Iftar bersama Julie's di Dataran Kubu, Stadium Hang Tuah, Jumaat lalu.

di Bazar Ramadan Mega Hang Tuah Mall di sini.

Hadir sama, Exco Peru-

mahan, Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar, Datuk Ar. Ismail Othman dan Datuk Ban-

dar, Bandaraya Melaka Bersejarah (BMB), Datuk Zainal Hussin.



ISMAL, Zainal dan Benny Chia beramah mesra bersama anak-anak yatim sementara menunggu waktu berbuka puasa.



ZAINAL menyampalkan sumbangan baju raya kepada seorang anak yatim.